

31 MAR 1997

KERENAH BERLEBIHAN MASIH SATU MASALAH UNTUK BERURUS NIAGA DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 31 Mac (Bernama) -- Terdapat beberapa kes di mana ketua-ketua eksekutif firma Amerika Syarikat terpaksa menghubungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri untuk mendapatkan penjelasan sesuatu yang amat biasa seperti kelulusan untuk pekerja asing atau permit kerja.

Keadaan yang menyedihkan ini berlaku kerana kelemahan komunikasi antara jabatan-jabatan kerajaan, yang menurut Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia (Amcham) merupakan sesuatu yang menghampakan bila mengurus niaga di Malaysia.

"Ianya bukan sesuatu yang janggal apabila diberitahu sesuatu oleh sebuah jabatan atau agensi, kemudian apabila maklumat itu disampaikan kepada sebuah jabatan lain dan diberitahu pula bahawa mereka tidak pernah mendengar dasar atau peraturan tersebut," kata dewan itu dalam memorandumnya kepada dialog tahunan dengan kementerian perdagangan antarabangsa dan industri hari ini.

"Pegawai-pegawai tinggi sering kali dipanggil untuk campur tangan dan menangani keadaan yang sepatutnya boleh ditangani dengan mudah di peringkat pentadbiran," katanya sambil menambah bahawa masalah itu sering dibangkitkan oleh anggota Amcham.

Setengah daripada rungutan mereka termasuk ketakcukupan proses pelesenan/permit, mikropengurusan kerajaan, terutama sekali dalam industri pengiklanan dan insurans, ketakseragaman takrifan peraturan-peraturan kerajaan dan kelemahan komunikasi antara jabatan kerajaan.

Tetapi yang memberangsangkan, dewan itu menyatakan bahawa Koridor Raya Multimedia (MSC) yang sedang dimajukan oleh Malaysia menunjukkan kesungguhan tentang memenuhi keperluan perbadanan-perbadanan dan negara dalam abad ke-21.

Ia bersedia untuk menjadi saluran tambahan bagi maklumat kepada anggotanya serta kepada syarikat-syarikat Amerika di rantau ini dan di Amerika Syarikat, tambah dewan itu.

Merujuk kepada penubuhan ibupejabat operasi (OHQ), Amcham berkata sistem merundingkan jumlah tetap pegawai asing tidak disesuaikan dengan keperluan operasi serantau dan juga dengan keperluan untuk pewajaran pentadbiran bagi setiap jawatan, yang mungkin menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai lokasi terbaik untuk ibupejabat serantau.

Amcham juga mencadangkan penubuhan sebuah badan penyelaras seakan-akan MIDA (Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia) untuk bertindak sebagai rumah penjelasan dan pihak berkuasa berkaitan proses, tata cara dan keperluan pelesenan untuk pelbagai industri perkhidmatan.

Mengenai usaha yang ia mendakwa akan terus melonggarkan atau meliberalkan sektor kewangan, dewan itu menyeru supaya dihapuskan perluasan minimum 60 peratus kemudahan kredit daripada institusi perbankan milik Malaysia dan membenarkan bank-bank di Labuan untuk beroperasi dengan lebih bebas dari Kuala Lumpur. -- BERNAMA

MR SIA